

PM lancar Program Sukarelawan Pemeriksaan Komuniti

Melaka: Tan Sri Muhyiddin Yassin akan melancarkan Program Sukarelawan Pemeriksaan Komuniti secara maya tidak lama lagi bagi membantu mengekang pandemik COVID-19.

Program berkenaan membabitkan peserta daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin akar umbi dan anggota komuniti dan mereka akan memainkan peranan membantu meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai bahaya pandemik itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, berkata kumpulan itu bukan bertujuan menghukum anggota komuniti yang kurang menitikberatkan aspek prosedur operasi standard (SOP) bagi mengelak dijangkiti COVID-19.

“COVID-19 tetap akan ada dalam komuniti dan amat penting untuk kita meningkatkan kefahaman anggota masyarakat mengenai keperluan mematuhi SOP.

“Tugas ketua kampung, penghulu dan sukarelawan yang lain ialah melengkapkan pengetahuan anggota masyarakat mengenai apa dimaksudkan pandemik CO-

VID-19 dan kaedah mengatasinya,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan 1,000 kit makanan sumbangan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada anggota masyarakat yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam Parlimen Tangga Batu, di Dewan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Sungai Udang, Tanjung Kling, semalam.

Mohd Redzuan berkata, anggota kumpulan itu tidak ada kuasa menangkap atau mengambil tindakan terhadap sesiapa yang didapati gagal mematuhi SOP, sebaliknya menasihati mereka dan menyediakan maklumat mengenai jumlah kes positif, jumlah mereka yang menjalani kuarantin sendiri dan seumpamanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan akan meningkatkan kawalan keselamatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor berikutan kes kecurian telefon bimbit pesakit COVID-19, baru-baru ini.